

28 AUG 2002

Arroyo-Sabah/I

ARROYO MAHU ATASI ISU PENGHANTARAN PULANG RAKYATNYA DENGAN KL

MANILA, 28 Ogos (Bernama) -- Presiden Gloria Arroyo hari ini menyuarakan harapan agak Filipina dan Malaysia akan menyelesaikan masalah yang timbul ekoran daripada penghantaran pulang rakyat Filipina dari Sabah.

"Jika kita bekerja sama, kita akan dapat melakukannya dengan lebih teratur, ia begitu teratur sebelum ini," katanya pada perjumpaan mingguan dengan media di sini.

Katanya, berdasarkan laporan Setiausaha Luar Blas Ople, pihak berkuasa Malaysia sendiri tidak berpuas hati dengan cara penghantaran pulang itu dikendalikan.

Media tempatan mendakwa rakyat Filipina yang dihantar pulang kerana masuk tanpa izin ke Malaysia telah diberi layanan buruk semasa berada di pusat tahanan di Sandakan, Sabah.

Arroyo berkata beliau percaya pihak berkuasa Malaysia juga tersentak melihat gambaran keadaan seperti yang ditayangkan oleh televisyen.

Ople telah menerima jaminan dari pihak berkuasa Malaysia bahawa mereka akan mengendalikan keadaan dengan sebaik-baiknya, katanya.

Sementara itu, Arroyo berkata bahawa Malaysia tiada halangan untuk menerima kemasukan pekerja Filipina yang mengikut saluran sah dan memang terdapat ramai pekerja Filipina di semenanjung Malaysia.

"Bilangan pekerja Filipina di Malaysia adalah yang kedua paling ramai selepas Arab Saudi," katanya.

Arroyo juga turut mengumumkan pelantikan bekas anggota kongres Tawi-Tawi, Nur Jaafar sebagai "pengurus krisis" bagi mengendalikan masalah kepulangan rakyat Filipina dari Sabah.

Presiden itu dijadual berlepas esok ke Bongao, Tawi-Tawi, untuk meninjau kepulangan rakyatnya dari Sabah yang tiba berperingkat-peringkat sejak beberapa hari lepas.

Ditanya sama ada beliau akan menghubungi Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Arroyo berkata: "Tidak...saya berpendapat dalam kes ini ia tidak perlu sampai ke situ."

-- BERNAMA

ALJ MHI MOZ